

11 OCT 1997

Gerakan-calon

GERAKAN PILIH CALON UNTUK SUNGAI BAKAP

BERUAS, 11 Okt (Bernama) -- Parti Gerakan telah memilih calonnya untuk mewakili Barisan Nasional pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kawasan Sungai Bakap pada 8 Nov ini tetapi ia tertakluk kepada pengesahan Perana Menteri.

Presidennya Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik berkata pemilihan itu dibuat oleh Jawatankuasa Kerja Parti semalam tetapi nama calon itu akan dikemukakan dahulu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN untuk persetujuan.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis Ramah Mesra Bersama Penduduk Kampung Paya Lima di sini semalam, Lim berkata oleh kerana beliau akan pergi ke luar negeri mulai esok, nama calon itu akan diumumkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Ooi Theng Bok dari BN akibat kemalangan jalan raya di Lebuhraya Utara-Selatan pada 24 Sept lepas. Suruhanjaya Pilihanraya telah menetapkan 29 Okt ini untuk penamaan calon.

Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama, tidak menolak kemungkinan BN akan menghadapisaingan sengit daripada pembangkang khususnya DAP dan kemungkinan PAS memandangkan pembangkang akan menggunakan isu kejatuhan nilai ringgit serta masalah jerebu untuk memancing undi.

Bagaimanapun, katanya, tidak ada sebab kenapa BN tidak boleh mencapai kemenangan pada pilihan raya itu sedangkan beberapa pemimpin pembangkang termasuk Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat serta Pengerusi DAP, Chen Man Hin turut mengakui kepimpinan Dr Mahathir.

"Kalau pemimpin pembangkang boleh memberi sokongan kepada Perdana Menteri, mengapa pengundi Sungai Bakap tidak mampu berbuat demikian kerana ketika inilah rakyat perlu membuktikan sokongan mereka," katanya.

Beliau berkata Gerakan akan membantu calon BN yang akan bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Perak kawasan Changkat Jering yang diadakan serentak dengan pilihan raya kecil kecil di Sungai Bakap. --

BERNAMA

RZS MAI